



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**  
**CAWANGAN TAWAU**  
TINGKAT 4, WISMA PERSEKUTUAN  
91000 TAWAU, SABAH.

Tel : 089-775 620, 775 621, 762 750  
Faks : 089-773 688  
Web : <http://www.anm.gov.my/index.php/utama-tawau>

Ruj. Kami: JANM.TAW.600-1Jld3(36)  
Tarikh : 27 Mei 2022

Ketua Jabatan Pusat Tanggungjawab (PTJ),  
Pusat Pembayar Gaji,  
Tawau/Semporna/Lahad Datu/Kunak.

Tuan/Puan,

**SEMAKAN DAN PENGEMASKINIAN DATA IT0185 (PERSONAL IDs) DAN IT0009 (BANK DETAILS) DI SISTEM HUMAN CAPITAL MANAGEMENT (HCM).**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak tuan/puan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia sedang menjalankan penambahbaikan sistem bagi mengukuhkan aspek keselamatan pembayaran kepada semua penerima bayaran Kerajaan Persekutuan. Kaedah pengesahan tambahan adalah bertujuan untuk mengurangkan kesilapan bayaran kepada penerima yang tidak tepat dan mengelak risiko penyelewengan. Oleh itu, PTJ hendaklah mengambil tindakan segera seperti di **Lampiran A**. Tindakan ini hendaklah dibaca bersama **SPANM BILANGAN 1 TAHUN 2020 - TATACARA PENGURUSAN BAYARAN EMOLUMEN PEGAWAI AWAM PERSEKUTUAN**.

3. Ketua Jabatan PTJ dipohon agar memainkan peranan dalam memantau tindakan pengemaskinian ini supaya tiada keciciran data pegawai berlaku. Tindakan pengemaskinian data di sistem HCM hendaklah dilakukan **sebelum 29 Julai 2022 (JUMAAT)**. Sila hubungi Unit Gaji JANM Tawau di talian 089-775620 sekiranya tuan/puan mempunyai sebarang persoalan yang ingin dikemukakan.

4. Kerjasama dan perhatian tuan/puan dalam mematuhi arahan dan ketetapan tarikh yang telah ditetapkan amat kami hargai.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
*"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"*

Saya yang menjalankan amanah

**(HASNITA BINTI SAUNG)**

Ketua Seksyen Pengurusan

b.p Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Cawangan Tawau

## LAMPIRAN A

### TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL OLEH PTJ BAGI PENGEMASKINIAN DATA DI SISTEM HCM.

1. Menerima Excel fail daripada JANM Tawau (Data sehingga Mei 2022) berkaitan pegawai dibawah selain tuan/puan. (Untuk makluman, pihak tuan/puan hendaklah **mengambil pendekatan sendiri** sekiranya terdapat **pertukaran masuk/keluar pegawai** di jabatan masing-masing).
2. Tindakan menyemak dan mengemaskini di Sistem HCM – PA30:
  - a. IT0185 (Personal IDs) nombor kad pengenalan pegawai dan memastikan IC Type = **01 (IC)** menggunakan 12 digit nombor Kad Pengenalan Malaysia bagi **warganegara Malaysia** atau IC Type = **02 (Passport)** bagi **bukan warganegara Malaysia**. **SILA PASTIKAN NOMBOR KAD PENGENALAN YANG DI ISI DI SISTEM ADALAH TEPAT.**
  - b. IT0009 (Bank Details) pegawai hendaklah menyemak data di salinan penyata/buku akaun bank selari dengan data di sistem HCM. Sekiranya terdapat perbezaan di sistem maka tuan/puan hendaklah mengemaskini di sistem HCM dan sebaliknya. **SILA PASTIKAN BILANGAN DIGIT AKAUN BANK ADALAH BERDASARKAN DATA DI LAMPIRAN B.**
  - c. **Tuan/puan hendaklah memastikan data di sistem HCM adalah selari dengan data di akaun bank dan portal iGFMS pegawai tersebut.**
3. Sekiranya terdapat perubahan data Akaun Bank dan Kad Pengenalan di sistem HCM, tuan/puan perlu menyediakan Borang Perubahan Gaji Berkomputer (SG20) untuk rujukan dan simpanan di peringkat PTJ berdasarkan peraturan **SPANM BILANGAN 1 TAHUN 2020 - TATACARA PENGURUSAN BAYARAN EMOLUMEN PEGAWAI AWAM PERSEKUTUAN** yang telah ditetapkan.

SENARAI BANK GAJI EFT

BIL	NAMA BANK	KOD BANK	DIGIT NO AKAUN
1	AGRO BANK	AGOBMYKL	16
2	AMBANK BERHAD	ARBKMYKL	13
3	BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD	BIMBMYKL	14
4	BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD	BKRMMYKL	10/12
5	BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD	BMMBMYKL	14
6	BANK SIMPANAN NASIONAL	BSNAMYK1	16
7	CIMB BANK BERHAD	CIBBMYKL	10
8	HSBC BANK MALAYSIA BERHAD	HBMBMYKL	12
9	HONG LEONG BANK	HLBBMYKL	11/13
10	MALAYAN BANKING BERHAD	MBBEMYKL	12
11	ALLIANCE BANK (M) BERHAD	MFBBMYKL	15
12	PUBLIC BANK BERHAD	PBBEMYKL	10
13	AFFIN BANK BERHAD	PHBMMYKL	12
14	RHB BANK BERHAD	RHBBMYKL	14
15	STANDARD CHARTERED (M) BANK BERHAD	SCBLMYKX	12